



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT OF MALAYSIA

Bahagian Perkhidmatan

Service Division

Aras 1, 6 & 7, Blok C2, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 PUTRAJAYA

MALAYSIA



Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-8889 2205 / 2204 / 2202

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/57 Jld. 6 (23)

Tarikh : 21 Februari 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERSEDIAAN PENGISIAN 2 KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses **persediaan pengisian 2 kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N32 di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N29 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Telah **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik kali pertama dalam perkhidmatan awam sebagai PPT Gred N29 **sebelum 31 Disember 2014;**
- 2.3 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred N29 berubah ke tarikh 1 Januari 2015 dan seterusnya;**
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014,2015 dan 2016) **tidak kurang 80%;**
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;

2/...

2.9 **Tidak bersara wajib** atau **memilih bersara pilihan** dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan

2.10 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, **2 kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia** adalah seperti berikut:-

Bil.	Lokasi Agensi
1.	Pejabat APMM Daerah Langkawi, Kedah (DM1)
2.	Ibu Pejabat, Wilayah Maritim Wilayah Utara, Langkawi

4. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti disertakan.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 13 Mac 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Norziatalshima binti Tajuddin)

6. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 dan 3 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses.**

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Puan Yusleli Binti Hj. Mohd Yunos - 03-8885 4351
yusleli.yunos@jpa.gov.my
- ii. Puan Rubi Binti Mohd Shah - 03-8885 4949
rubi.shah@jpa.gov.my

8. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(NORZIATUL SHIMA BINTI TAJUDDIN)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA
☎ : 03-8885 4110
✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my